

# Perlindungan takaful untuk wanita

**KAMI** amat memahami bahawa sebagai seorang wanita begitu banyak masa diluangkan untuk memelihara mereka yang tersayang. Peranan sebagai seorang anak, isteri, ibu, pekerja atau usahawan merupakan kepelbagaian tanggungjawab seorang wanita masa kini ditambah pula dengan kesibukan tugas-tugas harian yang sedia ada.

Wanita hari ini berinspirasi dan bercita-cita tinggi, bertenaga dan dinamik serta yang paling penting mereka bekerja keras untuk mengimbangi cita-cita peribadi dengan keperluan menuruskannya keluarga.


Dengan kepelbagaian peranan ini, wanita selalunya terabai akan kepentingan diri sendiri terutamanya dari segi kesihatan. Malah sebahagian besar golongan wanita tidak mempunyai perancangan yang kukuh untuk menghadapi jika berlakunya perkara di luar jangkaan.

Menurut *world life expectancy 2011*, bagi negara Malaysia, statistik menunjukkan bahawa wanita cenderung hidup lebih lama berbanding lelaki iaitu pada kadar umur 76.4 berbanding 71.7 bagi lelaki.

Bukan sahaja jangka hayat wanita lebih panjang, malah pada zaman ini wanita juga turut memikul beban menyara sesebuah keluarga, bahkan sumbangan wanita begitu signifikan dalam menyumbang kepada tahap ekonomi keluarga tersebut sehingga jika berlakunya perkara-perkara yang menjelaskan pendapatan mereka, maka sumber kewangan keluarga turut terancam.

Ini kerana ramai wanita terdiri daripada golongan yang berpendidikan, bekerja, profesional dan turut berpendapatan tinggi.

Wanita juga turut perlu menjaga kesihatan, harta dan kewangan dengan cara yang terbaik dan patuh syariah untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Dalam dunia hari ini di mana seorang wanita mampu untuk membuat keputusan mereka sendiri serta bertanggungjawab memastikan keperluan keluarganya terjamin, mereka turut berperanan memastikan keperluan kewangan kedua ibu bapa tidak diabaikan.



Dengan tuntutan tanggungjawab yang besar ini, maka perlindungan takaful adalah jawapannya untuk menyediakan mereka menghadapi sebarang kemungkinan terutama faktor kewangan. Ini adalah satu realiti yang harus kita hadapi, hidup adalah rapuh dan segala yang kita miliki boleh hilang dalam sekelip mata.

Oleh itu, perlindungan takaful merupakan aspek penting yang perlu diutamakan dalam aspek perancangan kewangan sesebuah keluarga. Dengan adanya pelan takaful akan membantu wanita untuk mampu mempunyai sumber kewangan yang diperlukan sekiranya berlaku sebarang musibah yang boleh mengakibatkan seseorang wanita itu tidak lagi dapat bekerja atau menampung keluarga.

Pelan takaful juga ada yang turut memberikan bayaran tunai kepada mereka yang di bawah tanggungan sekiranya berlaku kematian. Sesetengah pelan takaful turut merangkumi bayaran balik pinjaman kereta atau rumah sekiranya berlaku kemalangan, kematian atau hilang upaya.

Dalam zaman serba moden ini, di samping kesibukan harian yang dilalui oleh setiap wanita turut mendedahkan mereka kepada risiko mendapat pelbagai penyakit. Adalah langkah bijak bagi setiap wanita untuk mendapatkan pelan takaful kesihatan yang mampu menampung keperluan kesihatan mereka.

Pelan perlindungan kesihatan takaful boleh membantu melindungi seorang wanita dalam pelbagai cara. Ini akan membolehkan seseorang wanita itu lebih bersedia menghadapi kos perbelanjaan perubatan yang semakin meningkat sekiranya mengalami sebarang penyakit yang mungkin datang tanpa membantutkan



Perlindungan takaful merupakan aspek penting yang perlu diutamakan dalam aspek perancangan kewangan sesebuah keluarga. Dengan adanya pelan takaful akan membantu wanita untuk mampu mempunyai sumber kewangan yang diperlukan sekiranya berlaku sebarang musibah yang boleh mengakibatkan seseorang wanita itu tidak lagi dapat bekerja atau menampung keluarga.

cita-cita mereka.

Pelan-pelan sebegini juga memberikan rawatan perubatan yang berterusan kepada pelbagai penyakit kronik. Ini bukan sahaja membantu melindungi kesihatan, tetapi yang lebih utama kepentingannya terhadap kehidupan wanita dan kualiti hidup mereka.

Maka perlindungan takaful kesihatan adalah faktor penting dalam memastikan perlunya perlindungan kesihatan bukan sahaja mudah dimiliki tetapi juga turut mampu milik kepada semua wanita di sepanjang hayat mereka.

Seorang wanita yang bijak akan menyedari bahawa kesihatan beliau, kehidupan dan kesajahteraan adalah sangat penting untuk tidak diabaikan. Oleh itu pilihlah takaful untuk melindunginya.

Sumber: [www.worldlifeexpectancy.com/country-health-profile/malaysia](http://www.worldlifeexpectancy.com/country-health-profile/malaysia).

**PENULIS** adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful Berhad